

Masa belajar BM dan BI ditambah

Waktu dipanjangkan mulai sesi persekolahan 2011: Muhyiddin

KUALA LUMPUR - Kabinet memutuskan supaya masa pembelajaran subjek Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dipanjangkan mulai sesi persekolahan 2011.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pelajaran berkata, keputusan itu yang dibuat pada mesyuarat Kabinet kelmarin, selaras usaha memartabatkan Bahasa Malaysia dan memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah berikutan pemansuhan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) pada 2012.

"Bagaimanapun, masa persekolahan tidak akan dipanjangkan, tetapi akan diolah menjadi lebih kreatif dan menyeronokkan untuk pelajar.

"Kita akan buat pengubahsuaian

dari segi kokurikulum selaras perubahan-perubahan tersebut," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pesta Buku Antara-bangsa Kuala Lumpur (PBAKL) ke-29 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Masa pembelajaran subjek Bahasa Malaysia di sekolah rendah dan menengah kebangsaan bagaimanapun akan kekal 240 minit seminggu tetapi pembelajaran subjek Bahasa Inggeris akan ditambah kepada 330 minit seminggu berbanding 240 minit sekarang.

"Di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina, sesi pembelajaran Bahasa Malaysia akan ditambah dari 270 minit kepada 330 minit seminggu.

"Bagi Bahasa Inggeris, akan ditambah menjadi 120 minit seminggu berbanding hanya 60 minit



● Muhyiddin menandatangani plak sempena merasmikan PBAKL 2010 sambil diperhatikan Tan Sri Alimuddin (dua, kiri).

sekarang," katanya.

Mengenai bahan bacaan terhadap yang dilaporkan berlaku di perpus-

takaan sekolah, Muhyiddin menyarankan supaya lebih banyak badan korporat menderma buku kepada

perpustakaan sekolah sebagai sebahagian tanggungjawab sosial.

Terdahulu dalam ucapannya, Timbalan Perdana Menteri menyarankan supaya pihak penganjur PBAKL meningkatkan status supaya setanding Pesta Buku Frankfurt yang terbesar di dunia.

"Saya sarankan supaya PBAKL diangkat statusnya, dianjurkan fokusnya dan dijadikan Pusat Perdagangan Industri Buku sekurang-kurangnya bagi rantau Asia dalam jangka masa 10 tahun akan datang. Saya yakin sasaran ini dapat dicapai memandangkan nilai dagangan tunai PBAKL 2009 dianggarkan mencecah RM20 juta," katanya.

Menurutnya, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) perlu bersedia menjadi peneraju industri buku negara bagi mencapai hasrat tersebut. - Bernama